

20 OCT 1999

Mahathir-Venezuela

M'SIA, VENEZUELA MAHU URUS NIAGA MATA WANG DIKEKANG

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Malaysia dan Venezuela bersetuju bahawa masyarakat antarabangsa perlu mengambil langkah efektif bagi menangani kesan buruk urus niaga mata wang yang dicemari amalan manipulasi.

Ini terkandung dalam kenyataan bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Rafael Chavez Prias yang dikeluarkan hari ini di akhir lawatan tiga hari pemimpin Venezuela itu ke Malaysia.

Kedua-dua negara juga menekankan pentingnya kerjasama Selatan-Selatan diperkukuh dan bersetuju menghidupkan semula kerjasama berdasarkan rangka kerja G-15 yang dianggotai negara-negara membangun.

Menurut kenyataan itu, kedua-dua pihak bertukar-tukar pendapat mengenai mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Sedunia di Seattle, Amerika Syarikat, bulan depan dan bersetuju menggalakkan perbincangan di kalangan negara-negara membangun.

Selain bertukar-tukar pendapat mengenai cabaran globalisasi, kedua-dua pemimpin bersetuju supaya kerjasama dan perpaduan di kalangan negara-negara membangun dipertingkat bagi menjamin kedudukan dunia yang adil dan saksama.

Dr Mahathir dan Chavez Prias menandatangani kenyataan tiga muka surat itu dalam satu majlis khas. Sebelum itu, Perdana Menteri mengunjungi pemimpin Venezuela itu untuk mengucapkan selamat pulang.

Mengenai isu dua hala, Kuala Lumpur dan Caracas memperbaharui azam masing-masing untuk mengukuhkan hubungan dalam pelbagai bidang.

Ini termasuk kerjasama ekonomi, perdagangan, industri kecil dan sederhana, usaha sama, pembangunan infrastruktur, pelancongan, tenaga termasuk petroleum, pertanian khususnya kelapa sawit dan getah, kebudayaan, penerangan dan teknologi maklumat, pendidikan, sains dan teknologi serta juga kerjasama teknikal.

"Kedua-dua pihak bersetuju bertukar-tukar pengalaman khususnya dalam bidang pembangunan seimbangan dan berterusan dan pembasmian kemiskinan," kata kenyataan itu.

Mesyuarat kedua Suruhanjaya Bersama akan diadakan di Caracas secepat mungkin.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menandatangani kenyataan itu, Chavez Prias berkata Venezuela sedang mengambil langkah seperti mengkaji semula pelbagai undang-undang dalam bidang strategik untuk menarik pelaburan asing termasuk dari Malaysia.

Katanya Malaysia dan rakyatnya menjadi teladan kepada negara-negara Selatan yang lain.

"Kami sedang mencari-cari isyarat bagi membolehkan kami memilih jalan ke arah lebih banyak pembangunan. Kita sudahpun berjumpa rakan dan dengan termeterainya kenyataan bersama ini, saya yakin kita dapat bekerjasama lebih rapat," katanya.

Dr Mahathir pula berkata walaupun lawatan itu singkat, beliau telah menjalin hubungan rapat dengan Chavez Prias dan ini baik untuk masa depan Malaysia-Venezuela.

Katanya Presiden Venezuela itu menunjukkan minat mendalam terhadap Malaysia pada mesyuarat G-15 di Jamaica yang membawa kepada jemputan kepadanya melawat negara ini.

"Apabila selesai pilihan raya, saya akan ke Venezuela untuk mengukuhkan persahabatan kami," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga memuji tetamunya itu dengan berkata secara berseloroh : "Beliau bersalaman dengan semua orang seperti seorang demokrat

yang tulen."  
-- BERNAMA  
MAM MAI